

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 30 JULAI 2016 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Kemeriahan Aidilfitri	Utusan Malaysia
2.	Dzulkifli Ahmad dilantik Ketua Pesuruhjaya SPRM	Berita Harian
3.	Change in positions	New Straits Times
4.	Kuat kuasa Isnin	Harian Metro
5.	Pelantikan baharu berkuat kuasa 1 Ogos	Utusan Malaysia
6.	AGC director is new MACC boss	The Star

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MUKA SURAT 13)
TARIKH: 30 JULAI 2016 (SABTU)

Kemeriahan Aidilfitri



RAI ANAK YATIM

MENTERI Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Panglima Madius Tangau menyampaikan sumbangan duit raya kepada anak-anak yatim dari Persatuan Penyayang Nur Iman sambil diperhatikan Pengerusi Taman Teknologi Malaysia (TPM), Datuk Ahmad Fauzi Zahari (dua dari kiri) dalam Majlis Jom Raya TPM di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/NADIA NURSYAMIMI

Dzulkifli Ahmad dilantik Ketua Pesuruhjaya SPRM

➔ Abu Kassim ditempatkan di UiTM sebagai Pakar Perunding Integriti

Oleh Magendran Rajagopal
magendran@bh.com.my

Putrajaya

Pengarah Pasukan Penguat Kuasa Pemulihan Hasil Negara, Jabatan Peguam Negara, Datuk Dzulkifli Ahmad, dilantik sebagai Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) baharu berkuat kuasa, Isnin ini.

Dzulkifli, 48, yang dilantik untuk tempoh perjawatan sehingga 31 Julai 2021 itu menggantikan Tan Sri Dr Abu Kassim

Mohamed, yang tamat perkhidmatannya dan ditempatkan sebagai Pakar Perunding Integriti, Fakulti Undang-Undang di Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa, dalam kenyataan semalam, memaklumkan pelantikan Dzulkifli sudah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong, selaras dengan subseksyen 5 (1) Akta SPRM 2009.

Pengalaman luas

Sebelum ini, Dzulkifli pernah menjadi Timbalan Pendakwa Raya di Unit Jenayah Perdagangan dan Unit Kes Terkelas, Jabatan Peguam Negara bermula 1993 hingga 2004, sebelum dilantik Ketua Unit Pelucutan Hak Bahagian Pendakwaan pada tahun yang sama dan kemudian menjawat Ketua Unit Jenayah Perdagangan pada 2010.

Seterusnya, beliau dilantik sebagai Pengerusi Pasukan Khas Peringkat Kerja Jabatan Peguam Negara pada 2011, menjadi Pengarah Pengurusan Kes-Kes Jenayah pada Januari 2015 dan seterusnya sebagai Penga-



Dr Noorul Ainur Mohd Nur



Dr Mohd Azhar Yahaya

rah Pasukan Penguatkuasa Pemulihan Hasil Negara (NRRET) bermula 12 Ogos 2015.

Ali juga mengumumkan pelantikan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Seri Mustafar Ali, sebagai Ketua Pengarah Imigresen baharu berkuat kuasa Isnin ini, menggantikan Datuk Seri Sakib Kusmi yang ditempatkan di Jabatan Perkhidmatan Awam.

Selain itu beliau turut memaklumkan pelantikan Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Tan Sri Dr Noorul Ainur Mohd Nur, sebagai KSU Kementerian Pendidikan menggantikan Datuk Seri Dr Zaini Ujang, berkuat kuasa 5 Ogos ini.

Berkuat kuasa tarikh yang sama, Zaini ditempatkan sebagai KSU Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, menggantikan Datuk Loo Took Gee, yang bersara wajib.

Sementara itu, Timbalan KSU (Dasar) Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Mohd Azhar Yahaya mengambil alih jawatan Noorul Ainur.

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS) MUKA SURAT 5
TARIKH: 30 JULAI 2016 (SABTU)

Change in positions

FROM:

Attorney-General's
Chambers' National
Revenue Recovery
Enforcement Team
director



TO:

Malaysian
Anti-Corruption
Commission (MACC)
chief commissioner,
effective Aug 1

Datuk Dzulkifli Ahmad

FROM:

Science, Technology
and Innovation
Ministry secretary-
general



TO:

Higher Education
Ministry secretary-
general, effective
Aug 5

Tan Sri Dr Noorul Ainur Mohd Nur

FROM:

MACC chief
commissioner



TO:

Universiti Teknologi
Mara's (UiTM) Faculty
of Law's integrity
consultant

Tan Sri Abu Kassim Mohamed

FROM:

Higher Education
Ministry
secretary-general



TO:

Energy, Green
Technology and
Water Ministry
secretary-general,
effective Aug 5

Datuk Seri Dr Zaini Ujang

FROM:

MACC deputy chief
commissioner
(prevention)



TO:

Immigration
Department
director-general,
effective Aug 1

Datuk Seri Mustafar Ali

FROM:

Science, Technology
and Innovation
Ministry deputy
secretary-general
(policy)



TO:

Science, Technology
and Innovation
Ministry
secretary-general

Datuk Dr Mohd Azhar Yahaya

FROM:

Immigration
Department
director-general



TO:

Public Service
Department

Datuk Seri Sakib Kusmi

KUAT KUASA ISNIN

■ **Dzulkifli Ahmad dilantik sebagai Ketua Pesuruhjaya SPRM baharu**

Hayati Ibrahim
ya_t@hmetro.com.my

Putrajaya

Pengarah Pasukan Penguatkuasa Pemulihan Hasil Negara Jabatan Peguam Negara Pengarah Pasukan Penguatkuasa Pemulihan Hasil Negara Jabatan Peguam Negara Datuk Dzulkifli Ahmad dilantik sebagai Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) baharu dilantik sebagai Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) baharu berkuat kuasa Isnin ini.

Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Ali Hamsa berkata, Dzulkifli yang dilantik dengan tempoh perjawatan sehingga 31 Julai 2021 itu menggantikan Tan Sri Dr Abu Kassim Mohamed yang tamat perkhidmatannya.



DZULKIFLI

"Abu Kassim kini ditempatkan sebagai Pakar Perunding Integriti Fakulti Undang-Undang di Universiti Teknologi MARA (UiTM).

"Pelantikan Dzulkifli sudah diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong selaras dengan subseksyen 5 (1) Akta SPRM 2009," katanya.

Ali turut mengumumkan Timbalan Ketua Pesuruhjaya



ABU Kassim

(Pencegahan) SPRM Datuk Seri Mustafar Ali ditempatkan sebagai Ketua Pengarah Jabatan Imigresen baharu berkuat kuasa tarikh sama.

Katanya, ia bagi menggantikan Datuk Seri Sakib Kusmi yang ditempatkan di Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Selain itu, Tan Sri Dr Noor-ul Ainur Mohd Nur yang



MUSTAFAR

(KSU) Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi ditukarkan sebagai KSU Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) mulai 5 Ogos, menggantikan Datuk Seri Dr Zaini Ujang yang ditukarkan sebagai KSU Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA).

"Beliau menggantikan Datuk Loo Took Gee yang bersara pada 5 Ogos," katanya.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 4
TARIKH : 30 JULAI 2016 (SABTU)

Pelantikan baharu berkuat kuasa 1 Ogos

Abdul Wahid Pengerusi PNB

KUALA LUMPUR 29 Julai - Tan Sri Abdul Wahid Omar berjanji akan menjalankan tugas yang diamanahkan kepadanya sebagai Pengerusi Permodalan Nasional Berhad (PNB) dengan sebaik mungkin, jujur serta amanah.

Bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri itu turut merakamkan penghargaan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, Ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Pelaburan Bumiputera serta Lembaga Pengarah PNB di atas kepercayaan yang diberikan kepada beliau.

Abdul Wahid menyifatkan pelantikan tersebut sebagai satu amanah dan tanggungjawab besar bagi mengisi tempat yang sebelum ini disandang oleh Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid.

"Terima kasih Tun (Ahmad Sarji) di atas segala jasa bakti kepada PNB dan pemegang-pemegang unit amanah saham kumpulan PNB.

"Pelantikan ini amat bermakna buat saya memandangkan sebelum ini saya pernah berkhidmat dengan dua syarikat di bawah PNB iaitu Kumpulan Maybank dari 2008 hingga 2013 dan Kumpulan Amanah Capital dari 1994 hingga 2001 yang kini merupakan sebahagian daripada Kumpulan Malaysian Industrial Development Finance Bhd. (MIDF)," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Perdana Menteri hari ini mengumumkan pelantikan Abdul Wahid sebagai Pengerusi baharu PNB.



berkuat kuasa 1 Ogos ini bagi menggantikan Ahmad Sarji yang bersama institusi itu sejak 1996.

Najib berkata, Abdul Wahid merupakan seorang akauntan bertauliah yang pernah mengetuai syarikat perbankan di bawah portfolio PNB, Maybank, menerajui transformasi Telekom Malaysia (TM) selain mengetuai proses pemuliharaan UEM Group.

"Semasa di Jabatan Perdana Menteri, beliau bertanggungjawab menyelia agensi-agensi kerajaan seperti EPU (Unit Perancang Ekonomi), UKAS (Unit Kerjasama Awam Swasta), Jabatan Perangkaan, Ekuinas, Talent Corporation, Teraju (Unit Peneraju Agenda Bumiputera) dan Yayasan Pendidikan Peneraju Bumiputera.

"Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahmad Sarji atas sumbangan besar beliau mengemudi PNB sejak 1996 sehingga menjadi salah sebuah institusi pelaburan terkemuka di negara ini," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Jelas Perdana Menteri, PNB di bawah pimpinan Ahmad Sarji telah mencapai pelbagai kejayaan dalam melaksanakan mandat kerajaan bagi meningkatkan taraf ekonomi masyarakat bumiputera dan menyumbang kepada pertumbuhan dan kemakmuran negara.

"Saya berharap Ahmad Sarji akan terus berkongsi pengalaman dan menyumbang kepada pembangunan negara," katanya.

Dzulkipli Ketua Pesuruhjaya SPRM

PUTRAJAYA 29 Julai - Pengarah Pasukan Penguat Kuasa Pemulihan Hasil Negara, Datuk Dzulkipli Ahmad dilantik sebagai Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) baharu, berkuat kuasa 1 Ogos ini.

Dzulkipli yang dilantik dengan tempoh perjawatan sehingga 31 Julai 2021 itu menggantikan Tan Sri Dr. Abu Kassim Mohamed yang tamat perkhidmatannya dan ditempatkan sebagai Pakar Perunding Integriti, Fakulti Undang-undang di Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa, dalam satu kenyataan hari ini mengumumkan, pelantikan Dzulkipli telah diperkenankan Yang di-Pertuan Agong, selaras dengan subseksyen 5 (1) Akta SPRM 2009.

Ali juga mengumumkan pertukaran Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Seri Mustafar Ali sebagai Ketua Pengarah Jabatan Imigresen baharu berkuat kuasa 1 Ogos ini bagi menggantikan Datuk Seri Sakib Kusni yang ditempatkan di Jabatan Perkhidmatan Awam.

Dalam pada itu, Ali turut mengumumkan pelantikan tiga Ketua Setiausaha Kementerian baharu melibatkan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi; Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air serta Kementerian Pendidikan Tinggi.

Menurut beliau, Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Tan Sri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur ditukarkan sebagai Ketua

Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi bagi menggantikan Datuk Seri Ir. Dr. Zaini Ujang bermula 5 Ogos ini.

Katanya, Zaini pula ditukarkan sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air berkuat kuasa 5 Ogos ini bagi menggantikan Datuk Loo Took Gee yang bersara pada tarikh berkenaan.

Sementara itu, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Mohd. Azhar Yahaya dinaikkan pangkat sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.



Dzulkipli yang dilantik dengan tempoh perjawatan sehingga 31 Julai 2021 itu menggantikan Tan Sri Dr. Abu Kassim Mohamed yang tamat perkhidmatannya dan ditempatkan sebagai Pakar Perunding Integriti, Fakulti Undang-undang di Universiti Teknologi Mara.



Mustafar Ketua Pengarah Imigresen

PUTRAJAYA 29 Julai - Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Seri Mustafar Ali menyifatkan 'penghijrahannya' sebagai Ketua Pengarah Imigresen yang baharu merupakan kesinambungan kepada perjuangannya dalam membasmi rasuah.

Mustafar yang berkhidmat hampir 30 tahun dalam agensi penguatkuasaan tersebut memberitahu, pertukaran itu merupakan suatu tindakan yang perlu diambil bagi memastikan usaha pencegahan rasuah dapat diperjuangkan dalam kapasiti lebih besar.

"Penempatan ini dapat memastikan kesinambungan membanteras rasuah bukan hanya dapat dilakukan di peringkat SPRM tetapi lebih menyeluruh di jabatan lain," katanya ketika ditemui pemberita selepas menghadiri Majlis Paluan Berundur di sini hari ini.

Majlis Paluan Berundur tersebut diadakan bagi meraikan pengunduran tiga pegawai pengurusan tertinggi SPRM iaitu Ketua Pesuruhjayanya, Tan Sri Abu Kassim Mohamed; Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Mohd. Shukri Abdull dan Mustafar sendiri.

Ketika berucap dalam majlis berkenaan, Mustafar dalam nada sebak berkata, apabila seseorang pegawai SPRM itu diberikan tanggungjawab untuk menerajui sesebuah jabatan baharu, maka tiga perkara penting menjadi keutamaan iaitu integriti, ilmu dan tenaga.

"Integriti merupakan elemen paling tinggi yang perlu ada dalam diri kita demi kelangsungan pelaksanaan kerja kerana tanpa integriti segala kerja akan menjadi porak-peranda. Selain itu, ia perlu diikuti dengan ilmu kerana tanpa ilmu sukar menjalankan tugas selain di-

ikuti dengan tenaga.

"Usaha memerangi rasuah akan terus ditegakkan di bumi ini sebagai pengabdian kita sebagai pembasmi rasuah, saya juga berharap kakitangan dan pegawai SPRM akan meneruskan perjuangan yang ditinggalkan," katanya yang memulakan perkhidmatan sebagai Pegawai Siasatan pada 20 Mac 1985.

Sementara itu, Mohd. Shukri ketika berucap dalam majlis sama berkata, kakitangan dan pegawai SPRM perlu menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan tanpa rasa takut dan gentar kerana suruhanjaya tersebut bukanlah tempat bagi mereka yang pengecut.

"Pelbagai cabaran dan rintangan telah saya tempuh sepanjang 22 tahun berkhidmat dalam SPRM, ikhlas saya katakan bukan mudah untuk menjadi pejuang tulen dan bertindak adil, terlalu banyak cabaran dan rintangan yang perlu saya hadapi.

"Saya hampir mati diperangkap dengan ada orang melekatkan dadah dalam kereta dan rumah keluarga saya pernah dihantar dengan peluru hidup, malah saya pernah mengalami penyakit misteri dan terlanter sebulan di hospital dan bahu rasa seperti dihiris-hiris dengan sembilu," ujarnya.



AGC director is new MACC boss

Former prosecutor served in various departments in 23 years of service

PETALING JAYA: Datuk Dzulkifli Ahmad, a director in the Attorney-General's Chambers, is the new Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) chief commissioner.

Dzulkifli's appointment, which was widely rumoured several days prior to the announcement, was well received by A-G Tan Sri Apandi Ali and senior lawyers.

Chief Secretary to the Government Tan Sri Dr Ali Hamsa ended the speculation yesterday when he announced that Dzulkifli will start as MACC chief tomorrow. His tenure will be until July 31, 2021.

"The appointment is in accordance with Section 5 (1) of the MACC Act 2009," Dr Ali said in a statement yesterday.

Dzulkifli, 48, takes over from outgoing chief commissioner Tan Sri Abu Kassim Mohamed, who officially steps down tomorrow but started his leave yesterday.

Abu Kassim's contract as chief commissioner was supposed to end on Dec 4, 2018, but the date was brought forward to Aug 1 this year upon his request.

Apandi welcomed the news and wished Dzulkifli all the best. "I hope we can work closer together to eradicate corruption," he said.

Dzulkifli's former boss Tan Sri Abdul Gani Patail declined to comment when contacted.

During his 23 years in service, Dzulkifli contributed to various divisions before his last post as director in the National Revenue

Recovery Enforcement Team (NRRET).

He started his career as a prosecutor in 1993 where he served in the Commercial Crime Unit for 10 years and was the unit's chief for another six years.

He was chairman of a special task force and was director of management of criminal cases. He also served in various other units such as the Classified Case unit and forfeiture of property unit.

Dzulkifli also handled several high-profile corruption and criminal breach of trust cases in the past.

This includes the prosecution of two Tabung Haji senior general managers, Mohamad Shafie and Mohamed Amin Sidek, in 2002.

However, Mohamad was discharged and acquitted in 2012 by the Court of Appeal.

He also led the prosecution team when National Feedlot Corporation chairperson Mohamed Salleh Ismail was charged four years ago.

Dzulkifli has a Bachelors of Law Degree and DSLP (Diploma in Syariah and Legal Practice) from the International Islamic University.

He was called to the Bar in 1993. He is married to Datin Bitizela Mohd Bidin and the couple is blessed with a son and a daughter.

Dr Ali also announced that current MACC deputy chief commissioner Datuk Seri Mustafar Ali has been transferred to the Immigration Department and appointed as the new director-general effective

Aug 1, replacing Datuk Seri Sakib Kusmi.

The other transfers of high-ranking officials announced were Tan Sri Dr Noorul Ainur Mohd Nur, who was transferred to the Higher Education Ministry as the new secretary-general, Datuk Seri Dr Zaini Ujang as the new Energy, Green Technology and Water Ministry secretary-general and Datuk Dr Mohd Azhar Yahaya as the new Science, Technology and Innovation Ministry secretary-general.

All three appointments are effective Aug 5.